

Kelebihan suara melalui EAEG

KUALA LUMPUR, 10 OKT 1991

— Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, berkata Asean mesti bekerjasama dengan negara Asia Timur jika pertumbuhan serantau itu mahu mempunyai kelebihan bersuara dalam setiap rundingan perdagangan dunia.

Sehubungan itu, tegas beliau, Kumpulan Ekonomi Asia Timur (EAEG) yang diilhamkan oleh Malaysia, apabila ditubuhkan perlu mempunyai kedudukan kukuh bagi membolehkannya dihormati oleh Kesatuan Eropah (EC) dan Perjanjian Perdagangan Bebas Amerika Utara (Nafta).

"Sememangnya secara keseluruhan ketika ini, negara Asia Tenggara dan Asia Timur dapat mewujudkan pasaran teguh. Bagaimanapun, potensi pertumbuhan dalam EAEG adalah lebih besar daripada EC atau Nafta," katanya ketika

merasmikan Mesyuarat Menteri-Menteri Ekonomi Asean ke-23 (AEM) di sini, hari ini.

Mesyuarat dua hari itu dihadiri oleh Menteri Perdagangan Indonesia, Dr Arifin Siregar; Timbalan Perdana Menteri yang juga Menteri Perdagangan dan Perindustrian Singapura, Brig Jen Lee Hsien Loong; Menteri Perindustrian dan Sumber Utama Brunei Darussalam, Pehin Datuk Abdul Rahman Taib; Menteri Perdagangan Thailand, Encik Amaret Sila-On dan Menteri Perdagangan dan Industri Filipina, Encik Peter D Garrucho Jr. Ia dipengerusikan oleh Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Datuk Seri Ra-Eidah Aziz.

Perdana Menteri berkata, adalah penting EAEG tidak menjadi satu blok perdagangan dan semua negara anggotanya bebas menjalankan perdagangan de-

ngan mana-mana pihak serta mematuhi peraturan Perjanjian Am mengenai Perdagangan dan Tarif (GATT).

Bagaimanapun, katanya, apabila tiba masa berunding bagi mengekalkan sistem perdagangan bebas, kumpulan itu perlu berbincang dan mengambil satu pendirian bersama.

Datuk Seri Dr Mahathir yakin, sukar bagi blok perdagangan Eropah atau Amerika mengetepikan pendirian bersama EAEG kerana ia berlandaskan ekonomi bebas dan pengaruhnya yang kuat dapat menghasilkan sesuatu yang positif dalam rundingan GATT.

Beliau berkata, pengalaman Asean menunjukkan walaupun pada dasarnya pertumbuhan serantau itu tidak bertukar ekonomi, anggotanya dapat mempelajari sesama mereka cara terbaik ke arah membangunkan negara.